



KAD KREDIT

Kad kredit ialah sejenis bayaran ansuran yang membolehkan anda untuk membeli barangan atau perkhidmatan tanpa menggunakan wang tunai di pelbagai jenis kedai di seluruh dunia. Apabila anda menggunakan kad kredit anda, pengeluar kad kredit anda akan membayar bagi pihak anda dan menghantar bil kepada anda dalam bentuk kenyataan bulanan. Contoh kad kredit yang biasa digunakan ialah Visa dan Master card.



Apakah kebaikan kad kredit?

1. Beli sekarang bayar kemudian.
2. Lebih mudah dibawa jika dibandingkan dengan jumlah wang tunai yang banyak.
3. Merupakan kaedah pembayaran yang mudah dan cekap untuk pembelian terus atau dalam talian.
4. Membolehkan anda mengesan perbelanjaan anda melalui bil bulanan.
5. Pengeluar kad kredit telah memperkenalkan rancangan bayaran "flexi-pay" iaitu ansuran bayaran bulanan tanpa caj faedah.
6. Pengguna boleh menebus mata ganjaran dengan barangan atau perkhidmatan.
7. Sesetengah kad kredit menyediakan perlindungan insurans kemalangan, insurans peribadi dan insurans perjalanan secara percuma. Ia bergantung pada jenis kad yang ditawarkan.